LAMPIRAN 'B2'

GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK PENGURNIAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 2022

1. SENARAI DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SERTA PINGAT NEGERI SELANGOR

DARJAH KEBESARAN			
Kelas Pertama	Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) (Membawa gelaran " Dato' Seri ")	Dato' Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) (Membawa gelaran " Dato' Setia ")	-
Kelas Kedua	Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) (Membawa gelaran " Dato' ")	Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) (Membawa gelaran " Dato' ")	-
Kelas Ketiga	Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Ahli Kegemilangan Sukan Selangor (A.K.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)
Kelas Keempat	Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	Ahli - Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S.) (Tiada membawa apa-apa gelaran)	-
BINTANG			
- Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C.)			
- Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (B.K.S.)			
PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN			
- Pingat Keberanian Terbilang (P.K.T.)			
- Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor (P.K.S.)			
- Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)			
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.)			
- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)			
- Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S.)			
WATIKAH PELANTIKAN JAKSA PENGAMAN (J.P.)			

2. KRITERIA

2.1. KRITERIA ASAS

2.1.1. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Kanun Keseksaan atau lain-lain Akta Jenayah.

2.1.2. Tidak terlibat dengan apa-apa tuduhan di bawah Akta Pencegah Rasuah.

2.1.3. Tidak terlibat di bawah Akta Kebankrapan

2.2. KRITERIA TAMBAHAN

2.2.1. **KATEGORI ANAK NEGERI SELANGOR**
Dilahirkan di Selangor dan Kuala Lumpur (Sebelum 1974)

KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM	Berkhidmat di Negeri Selangor	i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **setahun** dalam jawatan semasa. ii) Gred Jawatan sekurang-kurangnya Gred Utama Turus III (bagi Darjah Kebesaran Kelas Pertama) dan Gred 54 (bagi Darjah Kelas Kedua) atau setaraf dengannya. iii) Disokong oleh Ketua Jabatan iv) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
	Berkhidmat di luar Negeri Selangor	i) Sama seperti (i) – (iv) di atas. ii) Bagi pegawai-pegawai tertinggi Persekutuan yang dapat membantu Pentadbiran Negeri seperti KSU setaraf atau setanding, Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan tetapi tidak diberi keutamaan sekiranya telah dikurniakan 'Datuk' oleh Kerajaan Persekutuan atau lain-lain negeri.

KATEGORI POLITIK	Berkhidmat di Negeri Selangor atau Kerajaan Persekutuan	**Anggota Pentadbiran** - Speaker, Ahli EXCO,Timbalan Speaker, - Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Persekutuan i) Mengikut nasihat Y.A.B. Dato' Menteri Besar. ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dalam jawatan. **Bukan Anggota Pentadbiran** - Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, - Ahli Parlimen i) Mengikut nasihat Y.A.B. Dato' Menteri Besar. ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan.